

(MPC) 3189

1 Ogos 2022

Encik Mohd Riduhan bin Datu Abat
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Wilayah Sabah (SBO)
Level 2, Menara MAA, No. 6, Lorong Api-Api 1
88000 Kota Kinabalu, Sabah

Tuan,

PELANTIKAN SEBAGAI PEMANDU (GANTI)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan Pekeliling Perkhidmatan Bil.12/2017.


2. Adalah dimaklumkan bahawa Pengurusan MPC telah bersetuju melantik tuan sebagai Pemandu (Ganti) Kenderaan Pejabat bagi menjalankan tugas-tugas rasmi jabatan di samping menjalankan tugas hakiki tuan sebagai Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi) Gred N19 mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

3. Bersama-sama ini dilampirkan Terna dan Rujukan sebagai Pemandu untuk rujukan dan tindakan tuan.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ABDUL LATIF BIN HAJI ABU SEMAN)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia

s.k.:

1. YBrs. Dr. Mazrina binti Mohamed Ibramsah – Timb. Ketua Pengarah OED
2. Encik Mokhzani Aris bin Mohd Yusoff – Pengarah SBO
3. Cik Hjh. Wan Norhani binti Wan Khalid – Ketua Akauntan
4. Cik Lee Wan Swanee – Pengurus SBO
5. Encik Isram bin Azhar – Pen. Peg. Tadbir ADM
6. Fall Peribadi

TERMA DAN RUJUKAN

1. Kenderaan Jabatan hendaklah digunakan untuk tujuan rasmi sahaja. Tindakan tatatertib atau surcaj boleh diambil ke atas pegawai yang menyalahgunakan Kenderaan Jabatan untuk persendirian.
2. Penggunaan Kenderaan Jabatan untuk aktiviti rasmi Persatuan/Kelab di Kementerian/ Jabatan adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1991 – Peraturan Mengenai Pelbagai Kemudahan Dan Kelengkapan Jabatan Kerajaan Oleh Pertubuhan Kebajikan Dan Sukan di Agensi-agensi Kerajaan dan pindaannya. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku kerosakan, kos pembaikan akan ditanggung sepenuhnya oleh Kementerian/Jabatan.
3. Semua Kenderaan Kerajaan kecuali kereta rasmi jawatan hendaklah disimpan di dalam kawasan pejabat yang mempunyai perlindungan berbumbung semasa tidak digunakan, kecuali sekiranya kemudahan tersebut tidak disediakan; dan
4. Lain-lain syarat dan kemudahan tertakluk kepada pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2013.